

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-I: KEMPEN “BOUNCE BACK STRONGER” 2021

Kemaskini terakhir pada 29 Oktober 2021

Tempoh Kempen

“Kempen ‘Bounce Back Stronger’ 2021 Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 01 November 2021 dan tamat pada 30 November 2021, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen (“**T&S**”):-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun; dan
 - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Kempen (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).
2. Berikut yang **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat;
 - (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank; dan
 - (d) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu (1) Kemudahan (definisi tertakluk di Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan pihak Bank (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).

Mekanik Kempen

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
 - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk Kemudahan di mana amaun tersebut tertakluk dalam julat Amaun Kemudahan Dipohon dalam jangka masa Tempoh Kemudahan seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Kemudahan	Amaun Kemudahan Dipohon*		Tempoh Kemudahan
	Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000	

Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB	RM5,000	RM250,000	
Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB	RM5,000	RM150,000	

*Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, amaun Kemudahan diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan yang dipohon oleh Pelanggan.

Untuk tujuan Kempen ini, Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai "**Kemudahan PF**", manakala Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB dan Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai "**Kemudahan PFC**" (Kedua-dua Kemudahan PF dan Kemudahan PFC secara kolektifnya akan dikenali sebagai "**Kemudahan**").

- (b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan seperti yang tertakluk di Jadual 2 berikut:

Jadual 2

Saluran Permohonan	Platforms
Luar Talian	Cawangan Bank, Terminal am:pm, Jualan Terus, Jualan melalui Telefon, Tablet Perkhidmatan Cawangan dan Jualan
Dalam Talian	Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my (" Laman Sesawang Bank ")
Connect	Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect

Sehubungan dengan itu, Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui saluran Connect atau Terminal am:pm mesti memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Simpanan-i individu HLB/HLISB yang sah dan;
- (ii) Tidak memegang sebarang Kemudahan sedia ada dengan Bank; dan
- (iii) Merupakan pengguna Connect berdaftar (untuk permohonan melalui saluran Connect sahaja).

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausu 3 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

A. Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

Kadar Faedah/Keuntungan Rata untuk Kemudahan

4. Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan yang telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Disember 2021 layak untuk menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** masing-masing mengikut cara yang tertera di Jadual 3 bergantung kepada Saluran Permohonan, Jenis Produk dan Pendapatan Bulanan Sah (definisi tertakluk di bawah):

Jadual 3

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Pendapatan Bulanan yang Sah	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat Bayar Tepat Pada Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan
Luar Talian	Kemudahan PF	RM2,000 – RM4,999	9.00% setahun	30%
		RM5,000 dan ke atas		50%
Laman Sesawang Bank	Kemudahan PF	RM2,000 – RM4,999	7.00% setahun	Tiada
		RM5,000 dan ke atas	5.00% setahun	
Connect	Kemudahan PF	RM2,000 dan ke atas	5.00% setahun	Tiada
Luar Talian & Laman Sesawang Bank	Kemudahan PFC	RM2,000 – RM4,999	9.00% setahun	30%
		RM5,000 dan ke atas		50%

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i dari 2 – 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (i) Kadar faedah/keuntungan rata 5.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 9.15% setahun hingga 9.32% setahun.
- (ii) Kadar faedah/keuntungan rata 7.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 12.50% setahun hingga 12.91% setahun.
- (iii) Kadar faedah/keuntungan rata 9.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 15.71% setahun hingga 16.43% setahun.

Bayar-Tepat-Pada-Masa Atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

5. Pelanggan yang Layak yang permohonan untuk Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan pada/sebelum 31 Disember 2021 dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 3 di atas. Rebat ini TIDAK berkenaan untuk Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan PF melalui laman sesawang Bank dan/atau saluran Connect.
6. Rebat akan dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan yang Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“**Tempoh Rebat**”). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa dua belas (12) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk Kemudahan enam puluh (60) bulan, Tempoh Rebat adalah empat puluh lapan (48) bulan.

7. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Layak dengan Pendapatan Bulanan Sah antara RM2,000 – RM4,999 untuk amaun Kemudahan PF yang dihantar melalui saluran Luar Talian sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan PF lima (5) tahun dengan Rebat berkenaan 30% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah:

Jadual 4

Amaun Kemudahan PF yang Diluluskan*	Tempoh Kemudahan PF (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan PF Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebat**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	9.00% setahun	RM2,250	RM125


*0.50% daripada Amaun Kemudahan PF Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan PF semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan PF tersebut.

**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

Jadual 5

Rebat 30% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat	Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a) / Tempoh Rebat	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM2,250 x 30% = RM675	RM675/48 bulan = RM14	RM125 – RM14 = RM115

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PF diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh lima (5) tahun dengan Rebat berkenaan 30% sepanjang tempoh Kemudahan PF:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

8. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
9. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausula 6 akan dianggap sebagai bayaran dahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang

perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi Bank untuk maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat bulanan tersebut daripada pihak Bank.

10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
- Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - Notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
 - Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

B. Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Pelanggan Layak yang Bekerja Sendiri

11. Fasal 11 ini hanya terpakai kepada Pelanggan yang Layak yang bekerja sendiri. Pelanggan yang Layak yang berkeja sendiri yang mematuhi dan memenuhi syarat berikut akan layak menikmati Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-pada-Masa mengikut cara yang tertera di Jadual 6 di bawah:
- Membuat permohonan untuk Kemudahan PF melalui saluran Luar Talian atau membuat permohonan Kemudahan PFC melalui saluran Luar Talian atau Laman Sesawang Bank semasa Tempoh Kempen di mana amaun tersebut tertakluk dalam julat Amaun Kemudahan dalam jangka masa Tempoh Kemudahan yang tertera di Jadual 6 di bawah dan untuk tujuan ini, semua permohonan Kemudahan PF mesti disalurkan sebelum/pada 31 Disember 2021; dan
 - Membayar amaun ansuran bulanan Kemudahan sebelum/pada tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan.

Jadual 6

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Amaun Kemudahan PF yang Dipohon	Pendapatan Bulanan yang Sah	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat Bayar Tepat Pada Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan
Luar Talian	Kemudahan PF	RM5,000 – RM250,000 (Sehingga RM150,000 untuk Pembiayaan Peribadi-i)	RM2,000 - RM4,999	9.00% setahun	40%	2 hingga 5 tahun
			RM5,000 dan ke atas		60%	

Luar Talian & Laman Sesawang Bank	Kemudahan PFC	RM5,000 – RM250,000 (Sehingga RM150,000 untuk Pembiayaan Peribadi-i)	RM2,000 – RM4,999	9.00% setahun	40%	2 hingga 5 tahun
			RM5,000 dan ke atas		60%	

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif yang terpakai kepada kadar faedah/keuntungan rata 9.00% setahun berbeza daripada 15.71% setahun sehingga 16.43% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan dari 2 – 5 tahun.

12. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, dalam hal berkaitan dengan pembayaran Rebat Bayar-Tepat-pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan dan pembatalan kelayakan Rebat Bayar-Tepat-pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan, Klausa 6, Klausa 7, Klausa 8, Klausa 9 dan Klausa 10 yang tertakluk di sini adalah terpakai untuk Rebat Bayar-Tepat Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan Pelanggan yang Layak yang bekerja sendiri.

C. Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Pelanggan Layak yang Bekerja Sendiri dan Hantarkan Permohonan Kemudahan PF pada Hari Jumaat, Sabtu atau Ahad

13. Fasal 13 ini hanya terpakai kepada Pelanggan yang Layak yang bekerja sendiri. Pelanggan yang Layak yang berkeja sendiri yang mematuhi dan memenuhi syarat berikut akan layak menikmati Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-pada-Masa mengikut cara yang tertera di Jadual 7 di bawah:

- (a) Membuat permohonan untuk Kemudahan PF melalui saluran Luar Talian pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad semasa Tempoh Kempen di mana amaun tersebut tertakluk dalam julat Amaun Kemudahan dalam jangka masa Tempoh Kemudahan yang tertera di Jadual 7 di bawah dan untuk tujuan ini, semua permohonan Kemudahan PF mesti disalurkan sebelum/pada 31 Disember 2021; dan
- (b) Membayar amaun ansuran bulanan Kemudahan sebelum/pada tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan.

Jadual 7

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Amaun Kemudahan PF yang Dipohon	Pendapatan Bulanan yang Sah	Kadar Faedah/Keuntungan Rata	Rebat Bayar Tepat Pada Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan
Luar Talian	Kemudahan PF	RM5,000 – RM250,000	RM2,000 - RM4,999	8.00% setahun	40%	2 hingga 5 tahun

		(Sehingga RM150,000 untuk Pembiayaan Peribadi-i)	RM5,000 dan ke atas		60%	
--	--	--	---------------------	--	-----	--

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif yang terpakai kepada kadar faedah/keuntungan rata 8.00% setahun berbeza daripada 14.13% setahun sehingga 14.68% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan dari 2 – 5 tahun.

14. Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, dalam hal berkaitan dengan pembayaran Rebat Bayar-Tepat-pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan dan pembatalan kelayakan Rebat Bayar-Tepat-pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan, Klausa 6, Klausa 7, Klausa 8, Klausa 9 dan Klausa 10 yang tertakluk di sini adalah terpakai untuk Rebat Bayar-Tepat Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan Pelanggan yang Layak yang bekerja sendiri.

UMUM

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini:

- (i) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
- (ii) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
- (iii) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Disember 2021. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak membekalkan semua dokumen berkaitan tepat pada waktunya, Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Disember 2021;
- (v) bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat atas semua Pelanggan yang Layak; dan
- (vi) bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

16. Bank berhak untuk:

- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan;
- (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
- (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

17. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB](#) / [Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara

T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

18. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
19. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
20. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.